

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



Kunjungan Naib Canselor UiTM ke Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Kampus Samarahan, UiTM Cawangan Sarawak

Oleh : Puan Atikawati Ahmad Razali

Demi memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama di antara universiti awam di Malaysia, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA YBhg. Profesor Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim telah mengadakan kunjung hormat ke pejabat Ketua Menteri Sarawak dan Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 30 September 2019.

Kunjung hormat ini merupakan salah satu kerja rasmi Profesor Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim sempena lawatan kerja rasmi selama dua hari ke UiTM Cawangan Sarawak bermula 29 September 2019 hingga 30 September 2019.

Setelah selesai kunjungan hormat di pejabat Ketua Menteri Sarawak dan Yang di-Pertua Negeri Sarawak, YBhg. Profesor Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim telah berjumpa dengan warga kampus di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan pada sebelah petangnya. Sesi ramah mesra ini melibatkan 400 orang pelajar, staf akademik dan pentadbiran bertempat di Dewan Jubli Kampus Samarahan.



Prof Emiritus Dr Mohd Azraai bersama Prof Dato Dr Jamil Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak



HARI INOVASI 2019

Oleh: Farhana binti Ghazuddin

Pada 5 Mac 2020 yang lalu, Hari Inovasi 2019 dan Anugerah Kualiti UiTM Cawangan Sarawak 2019 telah diadakan bagi memberi penghargaan dan galakan kepada warga UiTM Cawangan Sarawak yang menunjukkan prestasi dan kecemerlangan sepanjang tahun 2019. Ia merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Unit Kualiti dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran, Kelab Kakitangan UiTM Cawangan Sarawak (KEKITA) dan Persatuan Wanita UiTM (PEWANI). Majlis kemuncak ini juga sebagai wadah bagi semua warga UiTM Cawangan Sarawak untuk mengeratkan silaturrahim, memupuk budaya kerja berkualiti serta menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti.

Majlis dimulakan dengan lagu Negaraku dan disusuli dengan nyanyian Wawasan Setia Warga. Kemudian, majlis menjemput ustaz Ahmad Tarmizi Ikram untuk bacaan doa. Seterusnya majlis diserikan lagi dengan ucapan perasmian oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak iaitu Yang Berbahagia Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali. Pada majlis tersebut, semua warga UiTM Cawangan Sarawak mengangkat lafaz ikrar untuk berpegang teguh kepada misi, falsafah dan objektif Universiti Teknologi MARA.

Pada tahun 2019, sebanyak 34 Anugerah Pengurusan Kualiti peringkat UiTM Cawangan Sarawak telah dipertandingkan antaranya ialah Anugerah Penasihat Akademik Terbaik (Puan Zubaidah Yusop), Anugerah Penyelia Pasca Siswazah Terbaik (Profesor Madya Dr. Jati Kasuma Ali), Anugerah Penjana Pendapatan Terbaik (Dr. Juferi Idris) dan Anugerah Kumpulan Inovatif & Kreatif Terbaik (KIK) (Kumpulan Kolejen). Setiap pemenang dianugerahi piala, wang tunai dan sijil manakala pemenang bagi Anugerah Amalan 5S Keseluruhan menerima piala dan sijil sahaja.

Selain itu, penghargaan serta penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018 juga diadakan. Antara penerima anugerah ini ialah Dr. Ahmad Lutfi bin Anis (Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Gunaan), Dr. Sueb bin Haji Ibrahim (pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa) dan Encik Aminuddin bin Bakar (penolong pegawai teknologi maklumat).

Semua hadirin disajikan dengan persembahan menarik di samping menikmati jamuan yang enak. Majlis bersurai dengan jayanya dalam jam 1130 pagi.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578



9 772232 157005